

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 [RABU]

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan pihak Kementerian untuk melaksanakan projek perumahan kos rendah bagi menampung keperluan di negeri Sarawak terutamanya di Bintulu; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah penduduk-penduduk setinggan di negeri Sarawak terutamanya di Bintulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN (A)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, di Negeri Sarawak terdapat 10 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang merangkumi 8 projek telah siap dibina (4,140 unit) dan 2 projek PPR yang masih dalam peringkat pembinaan dengan jumlah 651 unit iaitu PPR Jalan Landeh (443 unit) dan PPR Petrajaya (208 unit).

2. Di kawasan Bintulu, terdapat PPR Kemena yang telah siap dibina pada tahun 2012 dengan jumlah 1,000 unit rumah. Projek ini telah diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri Sarawak untuk pengisian dan pengurusan.

JAWAPAN (B)

1. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) prihatin akan isu setinggan yang dihadapi di Negeri Sarawak. Oleh yang demikian, usaha bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk penyediaan unit rumah melalui PPR atau lain-lain program perumahan sedang dilaksanakan bagi memenuhi keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah dan pada masa yang sama supaya isu setinggan dapat diatasi secara berperingkat.

Sekian, terima kasih.